



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## KAPITALISME IDEOLOGI TERAKHIR?

[SN4541105] Setelah runtuhnya Komunisme, Kapitalisme merupakan satu-satunya ideologi yang masih berkuasa di dunia. Ketika itu tiada pesaing ideologi lain yang kelihatan akan muncul pada masa akan datang. Francis Fukuyama dengan yakin mengatakan bahawa Kapitalisme adalah penghujung evolusi ideologi manusia, atau bentuk sistem pemerintahan manusia yang terakhir, di mana beliau menggelarkannya sebagai ‘*the end of history*’ - tidak ada ideologi lain akan muncul setelah itu. Dengan tanggapan ini maka tamatlah peluang bagi ideologi lain untuk bangun semula. Namun hakikatnya, adalah terlalu awal bagi Fukuyama untuk berkesimpulan begitu. Sekiranya beliau menunggu beberapa dekad lagi mungkin beliau tidak akan membuat pernyataan yang memalukan itu.

Hari ini, kita boleh menyaksikan betapa umat manusia secara umumnya telah menolak ideologi Kapitalisme. Yang terbaru, kira-kira 20,000 penentang Bush dan APEC menunjuk perasaan di Seoul bagi membantah kehadiran pemimpin negara ekonomi terbesar itu. Mereka menentang globalisasi dan melihat APEC sebagai platform bagi meneruskan agenda Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang hanya menguntungkan pihak tertentu sahaja. Sebelum itu, 100 ketua kesatuan berkata, mereka akan membantah APEC dan kehadiran Bush. Malah di mana saja Bush berada, umat manusia akan mengadakan demonstrasi, memanifestasikan kebencian mereka terhadap polisi-polisi kapitalis Bush dan dunia Barat secara umum.

### Penyebaran Kapitalisme

Mungkin ramai yang beranggapan bahawa Bush dan kuncu-kuncunya telah berjaya menyebarkan kapitalisme – kekalahan Afghanistan dan pilihanraya ‘demokratik’ yang pertama di sana, penduduk Palestin yang telah memilih pemimpin yang lebih moderat, Abu Abbas yang lebih cenderung untuk bekerjasama dengan Israel, penduduk di Iraq yang sebelum ini begitu berani menentang pencerobohan tentera Amerika telah turun mengundi – merupakan antara manifestasi seolah-olah kapitalisme telah mula menunjukkan buah di tanah-tanah kaum muslimin. Di Lebanon, berlaku demonstrasi jalanan yang menuntut pengunduran tentera Syria dan memansuhkan kerajaan pro-Syria. Tunas-tunas ‘demokrasi’ juga dilihat seolah-olah telah mula merebak ke kerajaan diktator di Riyadh dan Kaherah melalui reformasi ‘demokrasi’nya. Ditambah pula dengan peristiwa Revolusi Ros di Georgia, Revolusi Oren di Ukraine dan Revolusi Tulip di Kyrgyzstan. Selain itu, kita juga menyaksikan bagaimana Damsyik dan Tehran dikenakan tekanan oleh Barat, terutamanya Amerika. Kita di sini juga tidak kurang hebatnya, isu pilihanraya kecil DUN Pengkalan Pasir mendapat perhatian yang begitu besar - setiap hari ada sahaja berita yang disiarkan di media. Adakah ini semua menunjukkan semua umat Islam telah

### ::Bicara SN::

KAHWIN SESAMA JANTINA – Di Mana Letaknya Kemuliaan Hidup Manusia?

Berita perkahwinan Jessie Chung telah menggemparkan orang ramai. Beliau yang dilahirkan sebagai seorang lelaki telah menjalani pembedahan menukar jantina dua tahun lalu dan melangsungkan perkahwinannya di Kuching, Sarawak, dengan seorang lelaki, Joshua Beh Soo Kiang pada 13 November 2005. 3 orang paderi telah menyempurnakan majlis perkahwinan mereka. Presiden Persatuan Kebajikan Sikh Malaysia, Harbans Singh Gill mengulas, “*Perbuatan seperti ini yang tidak disusuli dengan tindakan tegas oleh kerajaan seakan menampakkan negara memandang mudah masalah ini.*”

[Utusan Malaysia, 21/11/05]

Hakikatnya, penukaran jantina adalah **haram hukumnya sekiranya telah jelas jantina** seseorang itu. Identiti seseorang itu sama ada lelaki atau perempuan, tidak ditentukan oleh kehendak diri (nafsu) sendiri tetapi ditentukan oleh bentuk fizikal dan fungsi-fungsi fisiologi tubuhnya. Di dalam syariat Islam terdapat 2 perkara yang perlu ditekankan berkaitan dengan isu ini. Pertama, adalah yang bersangkutan dengan istilah *khunsa* dan kedua adalah *takhannuts*.

*Khunsa* merupakan individu yang secara fisiologi dan biologi memiliki 2 organ kelamin - lelaki dan perempuan. Namun begitu, bilangan golongan *khunsa* ini amatlah sedikit. Oleh kerana fenomena ini merupakan sesuatu yang tabii yang boleh terjadi pada manusia, Islam sejak dahulu lagi telah memiliki sikap tersendiri berkaitan dengan status jenis kelamin individu seperti ini. Pembedahan jantina dianjurkan terhadap *khunsa* untuk memperjelaskan jantinanya. Apabila organ kelamin salah satu jenis itu lebih menonjol, maka dia ditetapkan sebagai jenis kelamin tersebut. Bila organ kelamin lelaki lebih menonjol sama ada dari segi bentuk, ukuran, fungsi dan sebagainya, maka orang ini walau pun memiliki organ kelamin wanita, dia tetap dinyatakan sebagai seorang lelaki. Perkara ini perlu ditetapkan sebelum pembedahan oleh pakar. Sebagai lelaki, beliau tertakluk kepada hukum-hukum Islam sebagai lelaki. Antara lain mengenai batas

lihat mukasurat akhir....

benar-benar terpengaruh dan menerima pakai ideologi Kapitalisme dengan hati yang terbuka?

Kesemua peristiwa ini, tidak kira yang berlaku di tanah kaum muslimin ataupun di Barat kelihatan seolah-olah menunjukkan demokrasi-kapitalisme sedang bergerak maju ke hadapan. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya kita melihat para penyokong agenda Bush merasa begitu selesa. Presiden Bush dalam ucapannya baru-baru ini di Universiti Pertahanan Kebangsaan dengan angkuh telah menyatakan; “*Jutaan orang mendapat kebebasan mereka, dan jutaan lagi akan mengecapi impian kebebasan mereka yang tidak boleh diketepikan. Sembilan kebebasan telah dibunyikan. Dan sembilan tersebut tidak menyeru untuk menyerah kalah*”

## **Benarkah Kapitalisme Sedang Maju Kehadapan?**

Meskipun gambaran di atas seolah-olah menunjukkan bahawa Kapitalisme akan terus menguasai dunia, ada pendapat yang menyatakan sebaliknya - bahawa setelah September 11, Kapitalisme sedang menuju kehancuran. Namun ini dipandang tidak relevan oleh Bush, Blair dan penyokongnya. Bagi mereka, semua peristiwa ini membuktikan kewajaran keputusan Bush menceroboh Iraq. Sekiranya kita mendalami setiap peristiwa yang digambarkan sebagai kejayaan penyebaran Kapitalisme ini, kita akan dapat iaitu membuktikan hal yang sebaliknya – bahawa umat sudah menolak idea-idea Barat. Hakikatnya, Kapitalisme sedang menuju keruntuhan. Keruntuhan yang dimaksudkan di sini bukanlah dari sudut ketenteraan tetapi dari sudut politik dan ideologi.

Pernyataan bahawa Kapitalisme sedang bergerak kehadapan sebenarnya sedang dipertikaikan terutamanya oleh pemikir-pemikir Barat sendiri. Bagi mereka, apa yang dapat dilihat setelah September 11 adalah sebenarnya bertentangan dengan prinsip-prinsip dan nilai demokrasi Barat. Perang anti-keganasan didakwa sebagai perang untuk mempertahankan kebebasan - bukan sahaja sebagai tindakbalas akibat dari ribuan yang terkorban di WTC tetapi juga dianggap sebagai mempertahankan nilai-nilai Barat - nilai yang telah lahir sejak berkuruin lamanya akibat dari penentangan kaum filosof dan intelektual Barat terhadap pemerintahan kukubesi, pemerintahan beraja, fasisme dan komunisme. Namun, setelah 9/11 mereka telah melakukan perkara yang sebaliknya. Mereka telah meninggalkan prinsip asas yang mereka agung-agungkan itu dan memijaknya dengan kaki-kaki mereka sendiri.

Media kerap kali mendedahkan banyak kejadian-kejadian yang melibatkan penahanan tanpa bicara, penyiksaan kejam, perlecehan seksual, penyiasatan secara kejam dan ganas dan lain-lain lagi yang melibatkan tentera-tentera penjajah kafir Barat. Amerika telah menahan lebih 83,000 warga asing di Teluk Guantanamo di sepanjang tempoh empat tahun kempen antikeganasannya di Afghanistan.

Dianggarkan 14,500 orang masih ditahan oleh AS, khususnya di Iraq [BH, 18/11/05]

Di AS, penggubalan undang-undang Patriot dan yang terkini, kerajaan pimpinan Blair yang telah mengeluarkan empat bil bagi Undang-undang anti-pengganas yang baru merupakan manifestasi keruntuhan Kapitalisme yang memakan diri mereka sendiri. Bil ini antara lain mengatakan:

- 1) Membolehkan penahanan suspek pengganas selama 90 hari (sebelum ini 14 hari)
- 2) Membolehkan kerajaan mengharamkan pertubuhan bukan pengganas
- 3) Mengharamkan segala seruan yang bertujuan menjatuhkan pemerintahan dictator Barat
- 4) Melayan demonstrasi aman seperti pengganas

Dengan bil ini, polis boleh menahan sesiapa sahaja yang disyaki pengganas tanpa sebarang pembelaan meskipun tanpa sebarang bukti yang nyata – dan Barat mendakwa bahawa mereka mensucikan hak individu!!!

Tony Blair mengatakan bahawa kebebasan awam yang paling agung adalah hak untuk hidup dan menjaga keselamatan bangsa. Jika hak untuk hidup benar-benar merupakan suatu hak yang sangat penting, mereka sebenarnya tidak perlu berperang untuk mempertahankan prinsip asas ini dan meletakkan anak-anak mereka dalam risiko ditengah-tengah konflik pererangan. Justifikasi ‘menjaga keselamatan bangsa’ adalah **hujjah lapuk yang sejak dahulu digunakan oleh pemerintah-pemerintah diktator dan kukubesi**. Ia digunakan secara berterusan oleh semua rejim diktator dari Harare, Pyongyang hingga ke yang terbaru di Thailand untuk mempertahankan polisi kukubesi mereka.

Sebenarnya, manifestasi ‘**kemenangan**’ dan pengaruh Barat adalah merupakan babit-babit keruntuhan ideologi mereka yang mereka sendiri tidak sedari.

## **Pilihanraya Bukan Bukti**

Adalah merupakan suatu yang diketahui umum bahawa pilihanraya yang diadakan di bumi kaum Muslimin sebenarnya tidak bebas dan adil. Pilihanraya baru sahaja diadakan di Afghanistan, Palestin, Iraq dan ribuan rakyat keluar mengundi. Walaubagaimanapun pilihanraya-pilihanraya ini sebenarnya dikuasai oleh Barat – jelasnya, ia diadakan ketika mereka berada di bawah kawalan penjajah. Hakikatnya, pilihanraya seperti ini adalah tidak sah, kerana pilihanraya untuk membentuk kerajaan atau kepimpinan ini masih dikawal oleh kuasa penjajah luar. Di Iraq sebagai contoh, undang-undang Pentadbiran Transisi di Iraq dibuat bertujuan untuk melarang parti yang tidak sekular daripada terlibat di dalam pilihanraya. Pemerintahan Mesir pula telah menahan lebih dari dua ratus pendukung kelompok pembangkang Ikhwanul Muslimin, sebelum dimulakan pemilihan tahap kedua. Calon dari Ikhwanul Muslimin tampil sebagai calon bebas dalam

pemilihan tahap pertama, dan mereka berjaya mendapatkan tiga puluh empat kursi, lebih dua kali ganda dibandingkan dengan kerusi parlimen sebelumnya [BBC, 20/11/05]. Ini adalah bagaimanapun yang peraturannya telah ditetapkan untuk memastikan keputusan yang dikehendaki. Oleh itu adalah tidak memerlukan apabila pemimpin sekular yang pro-Barat terpilih di Kabul, Gaza dan Baghdad.

Pilihanraya juga tidak boleh dianggap sebagai kejayaan penyebaran ideologi Kapitalis. Ini adalah kerana pilihanraya bukanlah keunikian politik Barat. Ia boleh juga datang dari ideologi lain. Jutaan umat Islam yang turun mengundi tidak boleh dilihat sebagai tanda sokongan kepada ideologi sekular-demokrasi. Mereka terdorong melakukannya lebih kerana penolakan terhadap pemerintahan diktator dan penindasan. Daripada kajiselidik yang diterbitkan pada Februari 2005 oleh Pusat Pengajian Stategik (CSS), Universiti Jordan, menunjukkan bahawa terdapat jurang perbezaan yang besar dalam penerimaan idea politik Barat. Daripada jawapan kepada soalan-soalan kajiselidik yang ditanyakan, ramai yang tidak setuju dengan Barat; orang Arab mempercayai bahawa nilai akhlak mereka sangat bertentangan dengan budaya Barat. Mereka melihat dasar luar Barat adalah untuk kepentingan diri Barat sendiri dan tidak menghormati kedaulatan negara lain. Barat juga dilihat sebagai mengenakan polisi mereka ke atas negara lain dengan cara yang merendahkan kemuliaan negara tersebut. Pandangan ini juga dikongsi oleh bukan sahaja negara Arab tetapi juga Brazil, Korea Selatan dan Rusia. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa dua pertiga responden di Jordan, Mesir dan Palestin tetap percaya hanya Syari'ahlah satu-satunya sumber perundungan dan sepertiga lagi percaya bahawa Syari'ah patut menjadi sumber perundungan. Terlalu sedikit yang berpandangan bahawa Syari'ah tiada peranan dalam pemerintahan.

Tambahan pula, perubahan iklim politik dunia Islam bukanlah produk selepas berlakunya pencerobohan Iraq atau perkembangan ideologi Kapitalis. Di Palestin, ia berlaku kerana kematian Arafat, bukannya disebabkan tertangkapnya Saddam. Demonstrasi di Beirut adalah tindakbalas kemarahan atas kematian bekas Perdana Menteri, Rafiq Hariri bukannya hasil dari mereka menyaksikan proses pilihanraya di Iraq dan pemilihan presiden Afghanistan adalah hasil penjajahan secara ketenteraan dari luar, bukannya akibat dari perubahan 'demokrasi'.

## Agenda Sebenar Amerika dan Barat

Agenda sebenar Amerika di dunia Islam bukanlah untuk menyebarluaskan kebebasan dan demokrasi seperti yang didakwanya. Hakikatnya, apa yang mereka lakukan adalah untuk menjaga kepentingan mereka sendiri serta menghalang daripada golongan Muslim yang ikhlas (yang mereka gelar sebagai puak radikal yang dahagakan darah) daripada menegakkan Islam yang hakiki. Objektif terakhir Barat, terutamanya Amerika bukanlah untuk memberi kehidupan yang lebih baik bagi rakyat Iraq atau Af-

ghanistan; mereka hanya ingin menetapkan strategi bagi menjaga kestabilan, keselamatan dan penguasaan mereka ke atas dunia. Ia boleh dibuktikan dari dua sebab: **Pertama**, nyawa rakyat negara lain tiada nilai di mata Amerika. Yang dipentingkan adalah keuntungan mereka sahaja. Lantas, kebaikan untuk siapa? Sudah tentu bukan untuk rakyat Iraq atau Afghanistan. **Kedua**, menggembarkan bahawa pelancaran perang anti-keganasan ini adalah atas nama kebebasan dan kemanusiaan - namun terus menutupi agenda sebenar mereka. Perbelanjaan sebanyak AS\$300 bilion itu sebenarnya adalah sebagai sebuah pelaburan – bagi mendapatkan buruh yang murah, kos komoditi rendah dan jaringan pasaran yang luas. Inilah tujuan mereka yang sebenarnya – penjajahan dan menjaga kepentingan ekonomi mereka.

Halangan dan ancaman kepada pencapaian visi Amerika termanifestasi pada kelompok alternatif yang menyerukan kejatuhan rejim-rejim diktator boneka dunia Islam. Untuk menghalang kelompok 'radikal' ini dari mengambil kuasa, satu paradigma baru perlu diwujudkan di Timur Tengah supaya keadaan boleh menjadi kondusif untuk menjaga kepentingan utama Amerika. Pilihanraya dengan proses yang terkawal merupakan salah satu jalan terbaru mereka. Mereka mempromosikan ilusi kebebasan dan hak pemilihan rakyat sedangkan pada waktu yang sama menentukan siapa yang akan menjadi pemimpin boneka yang boleh mereka perkotak-katikkan. Model ini telah dijalankan di Pakistan dengan Musharafnya dan Hamid Karzai di Afghanistan. Iraq dan Mesir akan mengikuti jejak yang sama seperti mana yang telah dikatakan oleh Seamus Milne.

## Khatimah

Kapitalisme bukanlah ideologi terakhir. Kita kaum Muslimin wajib meyakini bahawa Islam adalah **mabda'** yang tertinggi dan tiada ideologi lain yang lebih baik daripadanya. Ia akan bangkit semula sebelum hari kiamat nanti. Hadis riwayat Imam Ahmad dan Baihaqi memberikan isyarat lima tahapan perjalanan sejarah umat Islam.

- 1) Zaman Nubuwwah - zaman kenabian.
- 2) Zaman Khilafah 'ala Minhaj Nubuwwah
- 3) Mulkan Adhan - Pengusa yang menindas
- 4) Mulkan Jabbariyyan - Pengusa sekular
- 5) Kembali zaman Khilafah 'ala Minhaj Nubuwwah Dengan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala, Islam akan muncul semula dan memimpin dunia dengan sistem kehidupan yang direhdaiNya.

Wallahu'lam

.....aurat, mahram, nikah, wali, warisan dan sebagainya. Sebaliknya, jika sebelum pembedahan, organ kelamin wanita lebih menonjol dan berfungsi, maka jelas dia adalah wanita, walaupun dia memiliki organ kelamin laki-laki. Beliau tertakluk kepada hukum-hukum syara' sebagai wanita. Di dalam karya fiqh terdapat juga istilah "***Khuntsa Musykil***". Istilah ini membawa maksud bahawa kedua organ kelamin itu berfungsi sama baiknya dan sama dominannya. Untuk kes ini, ijtihad yang mendalam perlu dilakukan oleh ulama yang pakar bagi menentukan status individu tersebut.

Manakala *takhannuts* pula membawa makna perbuatan orang yang berlagak atau berpura-pura sebagai *khuntsa*, padahal dari segi fizikal dia memiliki organ kelamin yang jelas. Dari aspek fisiologi dan hukum Islam, individu seperti ini sama sekali tidak ada masalah dalam statusnya apakah laki-laki atau wanita. Dalam konteks *takhannuts*, terdapat banyak gelaran yang diberikan keatas golongan ini, antara lain, bapuk, pondan dan *tomboy*.

Ada di antara individu di dalam golongan ini yang melakukan pembedahan menukar jantina tetapi pembedahan itu sifatnya cuma hiasan belaka dan tidak boleh berfungsi secara normal. Secara syar'i pembedahan ini membuatnya bertukar jantina. Oleh itu mereka tetap laki walaupun suara, bentuk tubuh, kulit dan yang lainnya mirip seorang wanita. Individu seperti ini adalah jelas tetap seorang laki-laki. Akibatnya, *ta'amul* (perlakuan) kita terhadap mereka mestilah mengikut hukum syara' berkaitan dengan laki-laki. Dan oleh kerana mereka adalah laki-laki, maka pergaulan mereka dengan wanita mestilah mengikut peraturan Islam. Para wanita tetap tidak boleh berkhalwat, *ihkitalat* (bergaul bebas) dan membuka aurat ketika bersama dengan mereka ini. Orang yang melakukan *takhannuts* ini jelas berdosa kerana telah dengan sengaja menyerupai wanita. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pernah memberitahu, bahawa perempuan dilarang memakai pakaian laki-laki dan laki-laki dilarang memakai pakaian perempuan. Rasulullah juga melaknat laki-laki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai laki-laki yang termasuk diantaranya cara percakapan, gerak geri, cara berjalan, pakaian, dan sebagainya.

Pernah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melarang kaum laki-laki dari memakai pakaian yang dicelup dengan '*ashfar* (zat warna berwarna kuning yang biasa dipakai untuk mencelup pakaian-pakaian wanita di zaman itu).

Ali RadhiAllahu 'anhу mengatakan: "Rasulullah pernah melarang aku memakai cincin emas dan pakaian sutera dan pakaian yang dicelup dengan '*ashfar*" [Hadis Riwayat Thabaranī].

Di dalam sejarah Islam tidak pernah timbul kekecohan tentang masalah *gay* dan *lesbian*. Selagi syariat Islam diterapkan oleh negara masalah ini tidak akan wujud. Bukan itu sahaja, penerapan aturan Islam juga akan menjadikan masyarakat hidup mulia, aman, dan terkawal. Terjadinya penukaran jantina mengikut nafsu adalah kerana perlaksanaan undang-undang ciptaan manusia yang

menggalakkan kebebasan. Islam mengatasi masalah ini melalui pendekatan berikut:

(1) Islam akan bertindak tegas bagi mengatasi masalah ini dengan melaksanakan hukuman mati bagi pelaku homoseksual, baik yang *gay* maupun *lesbian*. Rasulullah bersabda: "Barang siapa menjumpai orang yang berbuat homoseks seperti amalan kaum Lut, maka bunuhlah si pelaku dan yang diperlakukan (pasangannya)" [Bukhari, Muslim, at-Tirmidzi, Abu Daud, dan an-Nasa'i]

Para ulama dan sahabat berbeza pendapat dalam penggunaan jenis hukuman mati bagi pelaku homoseks ini. Ali memilih rejam dan membakar pelaku. Umar bin Khatthab dan Utsman bin Affan bersepakat; pelaku dihempaskan ke tembok sampai mati. Sedangkan menurut Ibnu Abbas, pelaku mesti dilempar dari bangunan yang tinggi dalam keadaan terbalik dan dihujani dengan batu. Meskipun terdapat perbezaan dalam cara menjalankan hukuman namun semua para sahabat bersetuju bahawa hukuman terhadap pelaku homoseks adalah hukuman mati.

(2) Islam mengatur adab pergaulan yang menyelamatkan kita dari perilaku kaum Nabi Lut. Dalam pengaturan ini, ditetapkan bahawa:

a) Penampilan luar laki mestilah berbeza dari perempuan dan begitu juga sebaliknya. "Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melaknat kaum laki-laki yang menyerupai (penampilan) wanita, dan kaum wanita yang menyerupai penampilan para laki-laki." [HR Bukhari].

b) Adalah haram melihat dengan liar aurat sesama jenis mahu pun lawan jenis. "Janganlah seorang laki-laki melihat aurat laki-laki lainnya, jangan pula seorang wanita melihat aurat wanita lainnya." [HR Ahmad, Muslim, Abu Dawud, dan at-Tirmidzi]

c) Tidak diperbolehkan tidur satu selimut dengan rakan sejenis apalagi lawan jenis. Peraturan ini juga berlaku untuk anggota keluarga yang sudah baligh. "Janganlah seorang laki tidur satu selimut dengan sesama laki, jangan pula wanita tidur satu selimut dengan wanita lainnya." [HR. Ahmad, Muslim, Abu Dawud, dan at-Tirmidzi]

d) Seorang Muslim seharusnya redha dengan kedudukannya sebagai laki-laki atau perempuan. Dia hendaklah faham akan *qadha'* dan *qadar* dan bersyukur dengan apa yang telah dianugerahkan Allah ke atasnya. Dia haruslah yakin Allah Maha Adil dan ia tidak sewajarnya mempertikaikan ciptaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Kejadian seperti yang berlaku di Kuching baru-baru ini dan di seluruh dunia, terutamanya dunia Barat jelas memanifestasikan bahawa undang-undang sekular-demokrasi yang ada sekarang ini menggalakkan manusia melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan kehidupan yang mulia dan terpuji. Apakah undang-undang seperti ini yang diharapkan untuk menghapuskan aktiviti yang terkait dengan isu berkaitan seperti aktiviti homoseksual yang amat menjijikkan?? Hanya dengan penerapan Islam yang kaffah melalui negara Khilafah, masalah seperti ini akan tinggal sebagai sejarah...